

Negeri Sembilan: Sejarah Awal dan Sistem Politiknnya

PROFESOR DATO' KHOO KAY KIM*

Sejarah Awal

KEUNIKAN masyarakat Negeri Sembilan kerana Adat Perpatihnya memang diketahui umum. Banyak telah ditulis oleh baik orang tempatan mahupun para sarjana Barat. Tetapi yang biasa diutamakan ialah aspek budaya. Kajian tentang sejarah dan sistem politik Negeri Sembilan sebelum campurtangan British amat sedikit bilangannya.

Negeri Sembilan kompleks bukan hanya dari sudut adatnya tetapi juga geografinya. Sebagaimana dibayangkan oleh namanya, Negeri Sembilan merupakan gabungan sembilan buah negeri menjadi sebuah kesatuan politik. Bagaimanapun masih belum jelas negeri-negeri mana yang pada asalnya bergabung untuk melahirkan Negeri Sembilan. Menurut R.O. Winstedt, dalam *Daghregister* (sumber Belanda), sehingga tahun 1682, 'Negeri Sembilan' tidak pernah disebutkan. Tetapi dalam sumber sejarah itu, negeri-negeri yang pernah disebutkan termasuk Klang, Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelai, Hulu Pahang, Jelevu, Johol dan Segamat — kesemua tempat atau kawasan itu didiami orang Minangkabau.¹

Klang, Sungai Ujong, Naning dan Rembau memang telah wujud sejak zaman Portugis di Melaka, sebagaimana juga Johol dan Jempol. Tulisan-tulisan orang Portugis pada abad ke-16 menunjukkan bahawa ramai orang Minangkabau dari Sumatera telah menetap di tempat-tempat itu. Menurut seorang Portugis, Godinho d'Eredia, yang menulis pada tahun 1613, penduduk Naning pada masa itu terdiri daripada orang Minangkabau; ramai di antara mereka biasa menjual pinang kotai di Melaka.²

Berhampiran dengan Naning ialah Rembau: "...head of the Malayo villages in a territory which belongs to the Crown of Johor: Rombo [Rembau] also is peopled by Monancabos".³ Rembau dan Naning merupakan dua

* Profesor Sejarah Malaysia, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 R.O. Winstedt, "Negeri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of the Nine States" dlm. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. VII, pt. 3, 1934, hlm. 41.

2 Ibid., hlm. 45.

3 Ibid.

kawasan yang banyak disebutkan dalam *Daghregister* sepanjang abad ke-17, iaitu selepas kuasa Belanda menakluki Melaka pada tahun 1641. Tetapi hubungan di antara orang Minangkabau dengan kuasa Belanda sentiasa renggang; Melaka berasa terancam. Keadaan, walau bagaimanapun, tidak begitu serius selagi kerajaan Johor berbaik-baik dengan pihak Belanda. Johor memang dianggap sahabat pihak Belanda sejak tahun 1630-an kerana memberi bantuan kepada orang Belanda sehingga pihak Portugis di Melaka ditewaskan pada tahun 1641.

Tetapi pada tahun 1673, Johor Lama telah dimusnahkan oleh orang Jambi. Sultan Abdul Jalil (1623—1677) terpaksa melarikan diri, kemudian menetap di Pahang. Di sanalah beliau mangkat pada tahun 1677. Kemerosotan kekuatan Johor melonggarkan hubungannya dengan jajahan-jajahan takluknya. Orang Minangkabau di Rembau, Sungai Ujong dan Naning mengambil kesempatan untuk menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung bagi memerintah negeri-negeri yang didiami orang Minangkabau di Semenanjung. Itu merupakan kali pertama percubaan diadakan untuk mewujudkan sebuah kerajaan Minangkabau di Semenanjung. Anak raja Pagar Ruyung, Raja Ibrahim, tiba pada tahun 1677, diiringi, menurut laporan orang Belanda, oleh 3,770 orang dari Sumatera. Orang Belanda di Melaka merasa cemas; kebimbangan kerajaan Johor lebih ketara lagi kerana pengaruh dan kewibawaannya ke atas petempatan-petempatan Minangkabau itu terancam.⁴

Raja Ibrahim yang dikatakan mempunyai kuasa ghaib menuntut diri sendirinya keturunan kerabat diraja kesultanan Melaka. Beliau telah menghubungi orang Bugis dan Makasar di Klang, mendesak mereka supaya bersama-sama menentang orang kafir (Belanda) di Melaka. Tetapi sambutan daripada mereka adalah dingin. Sementara itu Sultan Ibrahim (Johor) telah memberi arahan kepada orang Rembau supaya menamatkan permusuhan terhadap orang Belanda. Kebangkitan orang Minangkabau akhirnya tidak terjadi kerana Raja Ibrahim tidak mendapat sokongan orang Rembau bahkan seorang Bugis di sana telah membunuh Raja Ibrahim pada tahun 1678.⁵

Dengan itu kegelisahan di kalangan orang Minangkabau pudar buat sementara. Mereka patuh kembali kepada kerajaan Johor. Pembunuhan Sultan Mahmud (Mangkat Dijulang) pada tahun 1699, yang selanjutnya diekori oleh perlantikan Bendahara Abdul Jalil sebagai sultan pada tahun 1700, tidak juga memberi kesan buruk kepada hubungan di antara kerajaan Johor dengan orang Minangkabau.⁶ Bahkan ketua-ketua Naning, Rembau dan Sungai Ujong masing-masing dikurniakan cap nombor oleh Sultan Johor (bekas Bendahara Abdul Jalil).⁷ Bila orang Bugis mencabar kewibawaan kerajaan Johor pada tahun 1715, orang Minangkabau di Rembau menyokong Johor.⁸

4 Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor*, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 109—110.

5 Ibid., hlm. 113—114. Menurut R.O. Winstedt (*op.cit.*, hlm. 54—55) kebangkitan itu berakhir kerana orang Naning tidak mahu lagi memberi sokongan kepada orang Rembau dan orang Bugis yang membunuh Raja Ibrahim ialah seorang hamba Raja Merah, ketua Naning.

6 Beberapa suku memang disebutkan dalam dokumen-dokumen Belanda, misalnya, Tiga Batu, Seri Melenggang, Batu Hampar, Mungkal dan Paya Kumboh. (Lihat R.O. Winstedt, *op.cit.*, hlm. 55).

7 Ibid., hlm. 55—56.

8 Lihat Leonard Y. Andaya, *op.cit.*, hlm. 232—233.

Tetapi tiga tahun kemudian, suasana politik di Johor berubah sekali lagi. Kisah Raja Kecil merampas takhta Johor tidak perlu disebutkan di sini. Memadailah kalau dikatakan bahawa dalam keadaan huru-hara itu, kawalan Johor ke atas jajahan takluknya sekali lagi menjadi longgar. Pada tahun 1719, ternampak ada tiga pusat kuasa dalam dunia Johor: *Terengganu*, di mana Sultan/Bendahara Abdul Jalil berada setelah berundur dari Sungai Johor; *Siak*, yang menjadi markas Raja Kecil walaupun beliau telah menuntut diri sendiri Sultan Johor; dan *Selangor-Linggi* di mana orang Bugis telah menetap.⁹

Kejayaan Raja Kecil menjadikan kedudukan orang Minangkabau lebih tinggi di dunia Melayu. Pihak Belanda juga, pada ketika itu, lebih menghormati orang Minangkabau. Tetapi yang tidak begitu jelas sehingga sekarang ialah bagaimanakah hubungan di antara Raja Kecil dengan orang Minangkabau di Rembau, Naning, Sungai Ujong dan sebagainya.¹⁰ Walau bagaimanapun perkembangan selanjutnya memberi kesan secara langsung kepada sejarah Rembau dan kawasan-kawasan di sekelilingnya.

Pada awal tahun 1721, orang Bugis mula mencabar kewibawaan dan kuasa Raja Kecil. Mereka diketuai oleh Daeng Marewa. Raja Kecil cuba mengusir orang Bugis dari kubu mereka di Linggi tetapi gagal. Dengan itu Raja Kecil mengambil tindakan pula untuk membunuh Sultan/Bendahara Abdul Jalil yang pada waktu itu berada di Pahang. Selepas itu, sekali lagi Raja Kecil menyerang Linggi, pada lewat tahun 1721. Usaha ini juga gagal. Lantaran itu orang Bugis pula melanggar Riau dan membunuh ramai orang Minangkabau yang berada di sana. Setelah mencapai kejayaan, orang Bugis mengangkat Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil (Marhum Mangkat di Kuala Pahang), sebagai Sultan Johor yang baru. Daeng Marewa, ketua orang Bugis, dilantik sebagai Yamtuan Muda. Dengan itu kukuhlah kedudukan orang Bugis sebagai kuasa utama di Kerajaan Johor.¹¹

Tetapi persaingan di antara Raja Kecil dengan orang Bugis belum selesai. Raja Kecil mencuba lagi dan pertempuran di antara dua pihak itu berlaku di antara tahun 1722—1727. Angkatan laut Raja Kecil memang handal. Untuk memperkuatkan kedudukannya, Raja Kecil, pada peringkat ini, cuba mendapat sokongan orang Minangkabau di Semenanjung. Sumber Belanda menunjukkan bahawa Raja Rembau pada waktu itu ialah *Raja Melewar*. Jelas tokoh ini tidak sama dengan Daeng Marewa, Yamtuan Muda Johor. Ternyata juga, Raja Melewar tidak menyokong Raja Kecil kerana, menurut sumber Belanda Raja Kecil menghantar Raja Khatib untuk menggulingkan Raja Melewar sebagai Raja Rembau. Mula-mula, Raja Khatib berjaya dan cuba, selanjutnya, meluaskan pengaruhnya ke Naning serta kawasan-kawasan lain seperti Seri Mananti, Johol dan Tampin. Tetapi dalam serangan balas yang dilancarkan oleh Raja Melewar, Raja Khatib tewas, kemudian diberkas oleh orang Belanda dan dihantar balik ke Siak pada bulan Februari 1728.¹²

Kemunculan nama 'Raja Melewar' dalam laporan-laporan Belanda pada

⁹ Ibid., hlm. 285.

¹⁰ Aspek sejarah ini belum lagi dikaji dan tidak disebutkan dalam tulisan R.O. Winstedt (*op.cit.*) dan Leonard Y. Andaya (*op.cit.*).

¹¹ Leonard Y. Andaya, *op.cit.*, hlm. 292—293.

¹² Ibid., hlm. 310—311.

tahun 1727—1728 sangatlah penting dalam sejarah Negeri Sembilan. Setakat ini, menurut sumber-sumber tempatan yang rasmi, Raja Melewar telah dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1773. Tahun ini juga dianggap sebagai permulaan Kerajaan Negeri Sembilan. Sumber Belanda membuktikan Raja Melewar (dikenali sebagai 'Raja Rembau') telah ada di Semenanjung pada tahun 1727, besar kemungkinan lebih awal kerana Raja Khatib dihantar pada tahun itu untuk menggulingkan Raja Melewar yang memang sudah ditetapkan sebagai Raja Rembau.

Sebenarnya, dalam suatu sumber lain terdapat sedikit maklumat yang dapat membantu sejarawan menentukan bilakah Raja Melewar tiba di Rembau. P.J. Begbie,¹³ yang telah banyak membuat penyelidikan tentang sejarah Negeri Sembilan, menyatakan bahawa pada tahun 1721:

... the people of Naning informed the [Dutch] Government that the son of the king of Menangkabow was at Sri Menantie with the view of giving battle to the Buggiesses, and that there was a rumour that he intended making incursions into Naning, wherefore they requested arms and ammunition in order to defend themselves.¹⁴

Walaupun nama anak raja Minangkabau tidak disebutkan, memandangkan bahawa, pada tahun 1727, Raja Melewar ternampak sudah menjadi 'Raja Rembau' yang tetap, tidaklah keterlaluan jika sekiranya diandaikan bahawa 'the son of the king of Menangkabow' yang disebutkan itu adalah Raja Melewar.

Tetapi masih ada dua masalah yang perlu diuraikan. Pertama, bilakah gelaran "Yang Dipertuan Besar" digunakan? Kedua, bilakah nama 'Negeri Sembilan' diwujudkan? Jawapan kepada soalan yang pertama pernah diberikan oleh P.J. Begbie. Tentang jawatan 'Yang Dipertuan Besar' Begbie menulis:

This personage may be denominated a titular chief, who receives his honors from Menangkabow, but derives neither power nor fixed revenue from the dignity. The office appears to have been instituted shortly after the title of "Rajah of the Interior" became extinct in consequence of a remonstrance addressed by the Penghooloos of the different [Minangkabau] states [in the Peninsula] to the Sulthau of Johore praying that, as he had resigned his authority over them in favor of the Dutch, he would procure them a leader from the royal blood of Minangkabow.¹⁵

Sedikit penjelasan di sini adalah sesuai tentang siapakah "*Rajah of the Interior*" serta sejarah Johor dan orang Bugis di sekitar tahun 1750-an. Menurut Begbie lagi, orang yang dilantik sebagai "*Rajah of the Interior*" ialah Daeng Kemboja.¹⁶ Tidak disebutkan bilakah dia dilantik. Daeng Kemboja ialah pemimpin orang Bugis yang telah menggantikan Daeng Celak sebagai Yamtuan Muda Johor pada tahun 1745. Tetapi dia hanya ditabalkan pada awal tahun 1748.¹⁷ Besar kemungkinan pada ketika itulah, Daeng Kemboja diiktiraf sebagai "*Rajah of the Interior*" kerana beliau biasa

¹³ Lihat *The Malayan Peninsular*, Madras, 1834.

¹⁴ Ibid., hlm. 616.

¹⁵ Ibid., hlm. 136.

¹⁶ Ibid., hlm. 64.

¹⁷ R.O. Winstedt, "A History of Johore (1365—1895)" dlm. *JMBRAS*, Reprint No. 6, 1979, hlm. 59.

bermastautin di Linggi dan bukan Riau. Kalau kesimpulan ini benar, dapat diandaikan juga bahawa, pada waktu itu, Raja Melewar telah mangkat dan Rembau serta negeri-negeri di sekitarnya tidak mempunyai seorang ketua, *de facto* atau *de jure*. Sebaliknya, pengaruh Bugis adalah paling kuat di kawasan-kawasan itu yang memang dapat dikawal dari Linggi.

Satu perkara yang harus disebutkan ialah hubungan di antara Daeng Kemboja dengan Sultan Sulaiman (Sultan Johor pada masa itu) agak renggang. Walaupun baginda dilantik oleh orang Bugis setelah Raja Kecil ditewaskan, kelemahan kuasanya amat ketara dan Sultan Sulaiman cuba membebaskan dirinya dengan bersandarkan kuasa Belanda di Melaka. Memandangkan bahawa pengaruhnya ke atas Rembau dan Linggi hampir pudar, pada 12 Disember 1757, Sultan Sulaiman menandatangani perjanjian dengan orang Belanda menyerahkan kedua-dua tempat itu kepada Kompeni Belanda. Perjanjian ini sangat menarik. Menurut Winstedt:

... a treaty [was signed] offering to give to the Company Rembau and its nine countries (*negeri*) together with Linggi, subject to two stipulations, firstly that the Dutch would not interfere with the Muhammadan religion or alter the prayers for the Sultan of Johor, and secondly that power and place should not be granted to Daing Kamboja, Raja 'Alam, Raja Said, Raja Haji, Raja Tua of Klang or Raja 'Adil of Rembau, who had ruined Malacca.¹⁸

Perhatikan bahawa dalam perjanjian itu, nama Raja Melewar tidak disebutkan. Yang menjadi Raja di Rembau ialah Raja Adil. Juga dalam perjanjian itu terdapat rujukan kepada "*Rembau and its nine countries*".

Tetapi pihak Belanda juga tidak mahu bermusuhan dengan orang Bugis demi kepentingan perdagangan. Maka pada 1 Januari 1758, orang Belanda dan Bugis telah menandatangani perjanjian di mana orang Bugis memberi jaminan semua sahabat Kompeni akan dianggap sahabat orang Bugis juga, terutamanya Sultan Johor. Di samping itu orang Bugis mengakui monopoli Belanda ke atas bijih timah yang dikeluarkan dari Linggi, Rembau dan Klang. Pada 11 November 1759, satu lagi perjanjian ditandatangani di antara:

... David Bulen, Governor of Malacca, and Raja Muda Daing Kembajo of Linggi, Raja Tua of Klang and the heads of the nine countries of Rembau, namely Maharaja Pakki, Penghulu Dagang, Stia Probo [?Purba], Paduka 'Alam of the Four Tribes and the Penghulu Pandita Kaya and Shabbandar Pandita Garang.¹⁹

Dalam kedua-dua Perjanjian ungkapan "*Rembau and its nine countries*" digunakan. Winstedt sendiri tertarik dengan kenyataan itu, tetapi beliau hanya merujuk kepada perjanjian yang kedua bila beliau menulis.

It contains the first authentic mention of the nine districts of Rembau and one wonders if the existence of nine districts there did not later fire Raja Melewar to want Nine States under his control.²⁰

18 R.O. Winstedt, "Negeri Sembilan, &c.", *op.cit.*, hlm. 56—57.

19 *Ibid.*, hlm. 57.

20 *Ibid.*

Tidak ketara mengapa Winstedt berpendapat "*It contains the first authentic mention of the nine districts of Rembau*" pada hal dalam perjanjian 12 Disember 1757 (disebutkan juga dalam tulisan Winstedt sendiri) telahpun disebutkan kata-kata yang sama. Winstedt juga membuat kesilapan bila beliau menyebut tentang kemungkinan Raja Melewar terpengaruh oleh perjanjian tahun 1759 itu. Sebagaimana telah ditunjukkan, Raja Melewar sudah ada di Rembau sebelum tahun 1727 dan justeru itu mendahului Raja Adil. Penyelidikan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Inggeris pada tahun 1870-an dan 1880-an menunjukkan bahawa Raja Adil adalah 'Raja Rembau' yang kedua.²¹ Bila beliau tiba di Rembau walau bagaimanapun tidak jelas.

T.J. Newbold, seorang lagi pegawai Inggeris, yang juga berada di Melaka pada awal 1830-an dan banyak membuat penyelidikan tentang sejarah Negeri Sembilan sependapat dengan P.J. Begbie tentang perlantikan seorang "*Rajah of the Interior*", tetapi, menurut Newbold, Daeng Kemboja dilantik oleh kuasa Belanda dengan persetujuan Sultan Abdul Jalil.²² Kenyataan ini agak ganjil kerana yang memerintah Johor pada masa itu ialah Sultan Sulaiman dan baginda mangkat pada tahun 1760.

Newbold dan Begbie kedua-duanya bersetuju bahawa gelaran 'Yang Dipertuan' mula digunakan selepas Daeng Kemboja meninggal. Begbie tidak memberi tarikh ketua Bugis ini meninggal;²³ Newbold berkata:

In the event, the Menangkabowe claimant, Raja Malaywar, was successful, and Dyen Cambodia retired to Rhio, where he died about 1773. The Penghulus of the four state, which had espoused his cause, with the assent of the Sultan of Johore, and the government at Malacca, elected Rajah Malaywar as their sovereign, under the title of Eang-de-pertuan Besar, renouncing at the same time their allegiance to Johore.²⁴

Ternyata Newbold adalah punca kepercayaan bahawa kerajaan Negeri Sembilan bermula pada tahun 1773. Newbold, sebenarnya, membuat dua kesilapan. Pertama, beliau meletakkan Raja Melewar dalam *time-frame* yang salah. Sebagaimana telah ditunjukkan, dokumen Belanda membuktikan Raja Melewar telah berada di Rembau pada tahun 1727—1728 dan Raja Adil berada di Rembau pada tahun 1757. Justeru itu tiada pertikaian sepatutnya berlaku tentang siapa (di antara Raja Melewar dengan Raja Adil) yang lebih awal berada di Rembau. Kedua, Daeng Kemboja meninggal pada tahun 1772²⁵ dan bukan 1773.

Menurut Newbold lagi, Raja Adil mangkat pada tahun 1795 atau 1796 dan diganti oleh Raja Hitam, juga dari Pagar Ruyung. Raja Hitam mangkat pada tahun 1808 dan penggantinya ialah Raja Lenggeng Laut yang mangkat

21 Lihat T. Braddell, "Second Continuation of Report on the Proceedings of Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula" (1874?) dlm. *Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870—82* (Arkib Negara Malaysia) dan D.F.A. Hervey, "Rembau" dlm. *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, No. 13, 1884. Tetapi sumber Belanda memberi maklumat yang lebih tepat. Perkara ini akan dibincangkan kemudian.

22 T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, London, 1839, Vol. II, hlm. 79.

23 P.J. Begbie, *op.cit.*, hlm. 64.

24 T.J. Newbold, *op.cit.*, hlm. 80.

25 Lihat Barbara Watson Andaya, *Perak: The Abode of Grace*, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 357.

pada tahun 1824.²⁶ Begbie mengatakan bahawa Raja Lenggong Laut dilantik hanya pada tahun 1813.²⁷ Kesimpulannya, sejarah Negeri Sembilan sehingga awal abad ke-19 adalah begitu kabur. Mujur, dokumen-dokumen yang telah dijumpai akhir-akhir ini dapat membantu sejarawan mengemaskan lagi sedikit sebanyak sejarah awal kerajaan Negeri Sembilan.

Di antara dokumen-dokumen yang terbaru ada satu yang dapat membantu kita menentukan dengan lebih tepat lagi bilakah Raja Melewar mula memerintah di Negeri Sembilan. Pada tahun 1925, Yang Dipertuan Besar Muhammad (yang telah menggantikan ayahandanya, Yamtuan Besar Antah, pada tahun 1887) telah menghubungi Pejabat Kolonial, di London, menuntut hak untuk menggunakan gelaran 'Sultan'. Dalam suratnya kepada Setiausaha Tanah Jajahan (L.S. Amery), Yamtuan Besar Muhammad mengatakan bahawa sejak zaman Raja Melewar lagi, hanya satu cap sahaja yang pernah digunakan oleh pemerintah-pemerintah Negeri Sembilan. Menurut Yamtuan Besar Muhammad, Raja Melewar mula memerintah pada tahun Hijrah 1111 (1700 T.M.) dan baginda telah ditabalkan dengan gelaran 'Sultan Mahmud Shah ibni Al-Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah'. Penggantinya ialah Yamtuan Besar Hitam, Yamtuan Besar yang ketiga ialah Raja Lenggong, keempat, Raja Ali (dalam surat asal disebut 'Suati'), kelima, Raja Radin dan keenam, Raja Imam (dalam surat asal disebut 'Min').²⁸

Surat yang dihantar ke Pejabat Kolonial mempunyai beberapa kesilapan. Namun demikian, pada dasarnya, maklumat yang diberikan adalah betul. Hanya Raja Adil tidak disebutkan. Tetapi sumber Belanda sezaman merujuk kepada Raja Adil sebagai Yang Dipertuan Muda dan bukan Yang Dipertuan Besar Rembau.²⁹ Besar kemungkinan, selepas Yamtuan Besar Melewar, jawatan itu tidak diisi selama beberapa tahun, memandangkan bahawa Rembau hampir dikuasai oleh orang Bugis pada pertengahan abad ke-18 hingga, sekurang-kurangnya, masa pihak Belanda menewaskan Raja Haji di Teluk Ketapang (1784). Raja Adil sesungguhnya meninggal pada tahun 1778 dan diganti oleh puteranya, Raja Asil,³⁰ juga sebagai Yang Dipertuan Muda. Oleh sebab itu yang mangkat pada tahun 1795 atau 1796 memang bukan Raja Adil tetapi mungkin Raja Asil. Kerana keadaan politik pada penghujung abad ke-18 sudah banyak berubah, boleh jadi, pada masa itulah dihidupkan kembali jawatan Yang Dipertuan Besar dan gelaran itu diserahkan kepada Raja Hitam, ipar pada Raja Asil.

Sejarah Negeri Sembilan selepas tahun 1824 adalah lebih jelas. Dipercayai pada tahun itu Yamtuan Besar Lenggong Laut mangkat. Selanjutnya datang seorang lagi anak raja (Raja Labu) dari Pagar Ruyung. Tetapi Raja Labu tidak dapat mengukuhkan kedudukannya. Beliau dicabar oleh dua orang anak raja tempatan — Raja Ali bin Raja Aman (cucu Yamtuan Besar Hitam tetapi ayahandanya seorang Bugis dari Selangor) dan Raja Radin bin

26 Ibid., hlm. 87—89.

27 P.J. Begbie, *op.cit.*, hlm. 138.

28 Colonial Office Siri 717/47, Frank Swettenham kpd. C.O., 18 September 1925, lampiran: Ruler of N.S. kpd. L.S. Amery, 3 August 1925.

29 Lihat Lee Kam Hing & Mohd. Yusoff Hashim, "Peperangan Selangor—Belanda 1784—1786: Sebab dan Akibat dalam Sejarah Negeri Selangor" (Kertas yang dibentangkan di Kolokium Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan, 2 Januari 1989, di University Malaya), hlm. 12.

30 Ibid., hlm. 20.

Yamtuan Besar Lenggang Laut. Raja Ali waktu itu memegang gelaran Yang Dipertuan Muda di Rembau. Beliau telah dilantik sebelum Raja Asil meninggal. Pakatan Raja Ali dan Raja Radin memaksa Raja Labu kembali ke Pagar Ruyung pada tahun 1832. Dengan sokongan pembesar-pembesar Rembau, Raja Ali dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar. Tetapi Raja Radin yang berpengaruh di Seri Menanti tidak mengiktiraf perlantikan Raja Ali. Akibatnya berlaku lagi persaingan untuk merebut jawatan. Pada tahun 1836, Yamtuan Besar Ali pula diusir dan beliau terpaksa berpindah ke Lukut, kemudian Tampin dan, akhirnya, Keru di mana beliau mangkat pada tahun 1856. Yamtuan Besar Radin mangkat pada tahun 1861 dan sekali lagi kekacauan berlaku dan Raja Ujong (saudara Yamtuan Besar Radin) dilantik sebagai Yamtuan Besar. Bila beliau mangkat pada tahun 1869, persaingan yang berlaku sama sekali tidak dapat diselesaikan. Dengan itu bubarlah Negeri Sembilan yang hanya dapat disatukan kembali pada tahun 1896.³¹

Sistem Politik

Oleh sebab sejarah awal Negeri Sembilan masih kabur, beberapa masalah dihadapi dalam percubaan untuk membincangkan asal-usul sistem politiknya. Penyelidikan yang dijalankan sepanjang abad ke-19 oleh pegawai-pegawai British menunjukkan bahawa pada mulanya Yang Dipertuan Besar dikehendaki berfungsi, pada dasarnya, sebagai lambang keadilan; ditetapkan bahawa:

... raja itu tiada mempunyai negeri dan tiada boleh mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja serta pemakanannya duit sesuku, beras dua gantang, nyiur setali.³²

Sebagai masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, wibawa politik berpunca daripada bawah — anak buah. Tidak seperti di Minangkabau, Sumatera, di mana terdapat hanya empat *suku* (oleh sebab itu setiap unti dipanggil *suku*), di Negeri Sembilan wujud dua belas suku: Biduanda atau Waris, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu.³³ Perlembagaan (aturan) sebagaimana dipersetujui pada asalnya adalah seperti yang digambarkan oleh kata pepatah:

Alam nan beraja,
Luak nan berpenghulu,
Suku bertua (berlembaga),
Anak buah berbuapak.³⁴

Tetapi organisasi politik bukan berasaskan pertalian kekeluargaan semata-mata. Hanya lembaga dan buapak mengetuai golongan-golongan

31 Perkembangan ini akan dibincangkan kemudian.

32 Lihat Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850—1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 16.

33 Ibid.

34 Juga disebutkan demikian:

Bulat anak buah menjadi buapak,
Bulat buapak menjadi lembaga,
Bulat lembaga menjadi penghulu,
Bulat penghulu menjadi raja.

yang tidak ada asas kewilayahan; Dato' Penghulu dan Yamtuan Besar masing-masing mempunyai kewibawaan ke atas kawasan-kawasan yang ditentukan oleh sempadan politik. Tidak jelas sama ada pada setiap zaman sememangnya hanya ada dua belas negeri atau luak di Negeri Sembilan. Andaiannya memang ada sembilan sahaja; justeru itu ada sembilan orang Dato' Penghulu. Di kalangan mereka, ada empat orang Dato' Penghulu (Sungai Ujong, Rembau, Jelevu dan Johol) yang lebih tinggi tarafnya kerana kepada merekalah terserah tugas dan hak istimewa untuk memilih Yang Dipertuan Besar. Dan di antara empat orang Dato' Penghulu itu, Dato' Penghulu Sungai Ujong (yang juga bergelar Dato' Kelana) lebih dihormati; beliau dianggap sebagai 'abang'.³⁵

Mereka berempat ini, yang juga dikenali sebagai 'Penghulu Berlantik' (nampaknya, pada masa dahulu istilah 'Undang' tidak digunakan) mempunyai pengaruh yang besar kerana

- (i) masing-masing melaksanakan hak raja, mengenakan denda, merasmikan undang-undang dan menjalankan hukuman mati; dan
- (ii) mereka juga mengenakan denda dalam kes-kes yang diputuskan sendiri dan menerima hadiah pada hari lahir, perkahwinan dan mati di samping sumbangan untuk keperluan politik.³⁶

Yamtuan Besar pula dikatakan tidak mempunyai alat kebesaran, rakyat atau daerah; tetapi baginda berhak mengesahkan perlantikan tiap-tiap seorang penghulu oleh lembaga. Sebaliknya, Yamtuan Besar seolah-olah berkewajipan mengumpulkan rakyat, senjata, peluru dan bekalan apabila berlaku perang; juga pada masa berlaku kemangkatan, perkahwinan, majlis berkhatan dan sebagainya bagi keluarga diraja serta mengiriskan kepada setiap orang daripada anak raja itu tiga ekor kerbau dan bersedekah sedikit.³⁷

Satu lagi keistimewaan Negeri Sembilan harus diperhatikan. Dari bawah sehingga peringkat luak, organisasi sosial dan politik dikendalikan oleh prinsip *matrilineal*. Tetapi di puncak struktur politik, prinsip *patrilineal* yang dipatuhi, iaitu, selepas amalan menjemput anak raja dari Pagar Ruyung ditamatkan, seseorang putera berhak menggantikan ayahandanya sebagai Yang Dipertuan Besar, jika sekiranya dilantik oleh Dato' Penghulu (Undang).

Setakat ini, yang disebutkan itu merupakan sistem yang ditentukan secara *ideal*. Perjalanan sistem itu memperlihatkan kejadian dan pindaan yang menarik. Sejarah Negeri Sembilan juga penuh dengan persaingan dan konflik, unsur-unsur yang biasa terdapat di negeri-negeri Melayu lain yang tidak mengamalkan Adat Pertapih. Sistem asal yang tidak menyerahkan kuasa politik kepada Yamtuan Besar memang bertujuan menimbulkan suatu keadaan yang lebih adil serta mengurangkan kemungkinan berlakunya persaingan untuk merebut kuasa. Tetapi matlamat itu tidak tercapai pada praktiknya.

35 Gelaran-gelaran lain ialah Dato' Lela Maharaja atau Sedia Raja untuk Dato' Penghulu Rembau, Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman untuk Dato' Penghulu Jelevu dan Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan untuk Dato' Penghulu Johol.

36 Khoo Kay Kim, *op.cit.*, il. 17.


Faktor pertama yang memberi kesan penting kepada sistem politik di Negeri Sembilan ialah munculnya suatu kelas anak raja tempatan akibat perkahwinan di antara anak raja-raja dari Pagar Ruyung dengan orang tempatan. Sebagai anak raja, walaupun di dalam masyarakat Adat Perpatih, mereka mempunyai status yang tinggi. Oleh sebab anggota-anggota kelas itu semakin besar dan jawatan-jawatan yang wujud tidak bertambah banyak, persaingan tetap berlaku.

Bila berlaku persaingan dan keadaan huru-hara sukar dikawal, di Negeri Sembilan, sebagaimana di negeri-negeri Melayu lain, terdapat percubaan untuk mencipta jawatan-jawatan baru dengan tujuan menenangkan keadaan politik. Suatu jawatan penting yang dicipta, besar kemungkinan pada lewat abad ke-18, ialah Yang Dipertuan Muda Jelebu. Jawatan itu diserahkan kepada Raja Sabun, saudara Raja Asil. Kedua-duanya putera Yamtuan Muda Raja Adil. Ibu Raja Asil berasal dari Tampin dan ibu Raja Sabun ialah anak Dato' Penghulu Jelebu. Raja Asil menggantikan ayahandanya sebagai Yamtuan Muda dan kewibawaannya terhad kepada Rembau. Lebih daripada itu, walaupun pada asalnya, Raja dikatakan 'tidak bernegeri', Tampin telah diserahkan kepada Raja Asil sebagai pegangannya.

Di samping itu harus diperhatikan juga, penciptaan jawatan Yang Dipertuan Muda dan penentuan Tampin sebagai pegangan Raja Asil tidak dilakukan dengan sewenang-wenang tetapi terdapat percubaan untuk mematuhi prinsip Adat Perpatih kerana *ibu* Raja Asil berasal dari Tampin dan *ibu* Raja Sabun berasal dari Jelebu. (Lihat Salasilah A).


SALASILAH A

RAJA ADIL




Tetapi percubaan untuk menstabilkan keadaan politik kurang berjaya kerana, pada lewat abad ke-18, Raja Asil dicabar oleh seorang anak raja lain — Raja Ali — yang sebenarnya berasal dari Selangor dan ayahandanya seorang Bugis (Raja Aman). Tetapi ibunya ialah puteri Yamtuan Besar Raja Hitam. Kerana ibunya dari Negeri Sembilan, Raja Ali berjaya mendapat sokongan yang kuat dan merampas jawatan Yamtuan Muda Rembau daripada Raja Asil. Sebagaimana telah disebutkan, setelah Yamtuan Besar Raja Lenggang Laut mangkat pada tahun 1824, Raja Ali cuba menghalang perlantikan Yamtuan Besar baru dari Pagar Ruyung. Walaupun percubaan awal itu gagal, akhirnya beliau berjaya mengusir Raja Labu dan seterusnya beliau dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar. Hanya, beliau sendiri dicabar oleh Raja Radin, putera Yamtuan Besar Raja Lenggang Laut. (Lihat Salasilah B).

SALASILAH B



Selanjutnya, sebagaimana dijelaskan awal-awal lagi, setiap kali seorang Yamtuan Besar mangkat, persaingan berlaku untuk merebut jawatannya. Pada tahun 1869, akibat perebutan kuasa di antara Tengku Antah (putera Yamtuan Besar Raja Radin) dengan Tengku Ahmad Tunggal (putera Yamtuan Besar Raja Imam atau Raja Ujong), Negeri Sembilan berpecah kerana masalah itu tidak dapat diselesaikan.



Tahun 1870-an

Pembubaran Negeri Sembilan pada tahun 1869 tidak juga mendatangkan keamanan kepada setiap luak (negeri), terutamanya Sungai Ujong dan Rembau. Pada lewat tahun 1872, bila Dato' Penghulu Rembau meninggal, dua orang calon telah bersaing untuk merebut jawatannya — Haji Mustapha dan Haji Sahil. Perselisihan itu kemudian melibatkan Sungai Ujong kerana Haji Mustapha meminta bantuan Dato' Kelana (namanya Sending). Haji Sahil juga bergaduh dengan Dato' Muda Linggi kerana Dato' Muda Linggi cuba mengawal lalu-lintas di Sungai Linggi.³⁸

Tetapi Sungai Ujong sendiri menghadapi masalah tidak lama kemudian kerana Dato' Kelana Sending meninggal. Walaupun pengganti Dato' Kelana Sending, iaitu Sayid Abdul Rahman, tidak dicabar oleh calon lain, hubungannya dengan Dato' Bandar (Kulup Tunggal) agak renggang. Sejak zaman Dato' Kelana Sending lagi, Dato' Bandar begitu berpengaruh di Sungai Ujong. Beliau sangat dihormati dan berjaya menguruskan perlombongan bijih timah dengan baik. Pelombong Cina menaruh kepercayaan kepadanya. Dato' Bandar juga lebih tua, lebih berpengalaman dan lebih kaya daripada Dato' Kelana Sayid Abdul Rahman.

Akhirnya, bila kedudukannya terancam, Sayid Abdul Rahman meminta bantuan pihak British. Pada lewat tahun 1874, British campur tangan di Sungai Ujong. Dato' Bandar menentang dan hanya menyerah bila British menghantar tentera ke Sungai Ujong untuk menyerang kota Dato' Bandar di Kepayang.³⁹

Sementara itu, persaingan di antara Haji Sahil dengan Haji Mustapha di Rembau masih berterusan. Haji Mustapha menyedari bahawa Haji Sahil lebih gigih maka pada bulan November 1873, beliau cuba mendapat sokongan Sayid Hamid (anak Sayid Shaaban, menantu Yamtuan Besar Ali, yang pernah menjadi Yamtuan Besar Rembau). Haji Mustapha mengiktiraf Sayid Hamid sebagai pemerintah Rembau. Alasannya ialah datuk Sayid Hamid (Yamtuan Besar Ali) dan ayahnya (Sayid Shaaban) pernah berkuasa di Rembau. Tetapi ini tidak dapat mengukuhkan kedudukan Haji Mustapha. Pada bulan Disember 1873, beliau diserang oleh Haji Sahil dan terpaksa melarikan diri.⁴⁰

Keadaan politik di Negeri Sembilan kucar-kacir pada tahap itu. Selain daripada kekacauan di Rembau dan permusuhan di antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar di Sungai Ujong, persaingan di antara Tengku Ahmad Tunggal berterusan walaupun, pada hakikatnya, Negeri Sembilan, sebagai suatu entiti politik, tidak wujud lagi. Dengan beransur-ansur, Tengku Antah dapat mengungguli lawannya. Pada tahun 1875, kedudukannya sebagai pemerintah di Seri Menanti tidak dapat dicabar lagi oleh Tengku Ahmad Tunggal.⁴¹

Oleh sebab itu, bila Dato' Kelana bersetuju menerima seorang pegawai British di Sungai Ujong dan bendera British dikibarkan, Tengku Antah

37 Ibid.

38 Ibid., hlm. 171.

39 Lihat C. Northcote Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 178, et seq.

40 Khoo Kay Kim, *op.cit.*, hlm. 173.

41 Ibid., hlm. 174.

menentang dan pertempuran berlaku di antara pihak British dengan Tengku Antah di Bukit Putus. Walaupun Tengku Antah tewas, pihak British terpaksa mengakui bahawa Tengku Antah mempunyai sokongan yang kuat dan British, pada tahun 1876, mengiktirafnya sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti.⁴² Kawasan yang diperintah oleh Yamtuan Antah pada masa itu terdiri daripada Seri Menanti, Terachi, Hulu Muar, Inas, Gunung Pasir dan Jempol.

Penyatuan Semula Negeri Sembilan

Proses menyatukan kembali Negeri Sembilan bermula pada awal tahun 1880-an dan orang yang memainkan peranan utama ialah Sir Frederick Weld, Gabenor baru Negeri-negeri Selat. Weld mula-mula sekali memberi perhatian kepada Rembau di mana Haji Sahil (Dato' Penghulu) masih berkuasa tetapi dicabar oleh Sayid Hamid yang tetap menuntut gelaran Yamtuan Muda.

Walaupun Weld ingin menyelesaikan masalah di Rembau, beliau tidak bertujuan, pada masa itu, memperkenalkan sistem Residen kerana Rembau tidak mempunyai sumber ekonomi yang kaya. Dan, di antara Haji Sahil dengan Sayid Hamid, Weld memberi sokongan kepada Sayid Hamid yang seperti ayahnya (Sayid Shaaban) menyokong pihak British. Pada bulan Mac 1883, Weld bertemu dengan pembesar-pembesar Rembau di Melaka. Weld berterus-terang mengatakan bahawa pihak British tidak dapat menerima Haji Sahil sebagai Dato' Penghulu Rembau dan meminta supaya seorang Dato' Penghulu baru dilantik. Orang yang dilantik ialah Syahbandar Serun bin Sidin. Beliau dengan pembesar-pembesar Rembau kemudian menandatangani perjanjian dengan pihak British. Dalam perjanjian itu mereka memberi jaminan akan merujuk kepada Gabenor jika sekiranya berlaku kekacauan di Rembau. Mereka juga bersetuju akan mematuhi keputusan-keputusan yang akan dibuat oleh Gabenor.⁴³

Setelah masalah di Rembau diselesaikan, Weld mula memberi perhatian kepada Jelevu di mana berlaku juga persaingan di kalangan para pembesar. Yamtuan Muda (Raja Abdullah) Jelevu ditentang oleh pembesar-pembesar lain. Sikap Weld terhadap Jelevu berlainan sedikit kerana, tidak seperti Rembau, Jelevu merupakan negeri yang agak kaya dengan bijih timah. Tambahan pula, Jelevu hanya lebih kurang dua kilometer dari Sungai Ujong. Oleh sebab itu Residen British di Sungai Ujong dapat mengawasi Jelevu juga. Mungkin yang paling penting ialah Jelevu, kalau dibangunkan, mempunyai hasil yang mencukupi untuk membantu Sungai Ujong yang tidak begitu maju.

Weld bertemu dengan pembesar-pembesar Jelevu di Sungai Ujong pada bulan Ogos, 1883. Yang mengetuai pihak yang menentang Yamtuan Muda Raja Abdullah ialah Dato' Penghulu Sayid Ali bin Zain al-Jefry. Weld mengiktiraf kedua-dua orang pembesar itu. Yamtuan Muda berjanji tidak akan mencampuri hal-hal pentadbiran Jelevu dan Sayid Ali pula berjanji akan menghormati Yamtuan Muda dan memberi sebahagian daripada hasil negeri kepada Yamtuan Muda. Di samping itu Weld mengaturkan supaya

⁴² Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880—1910, Volume I: The Southern and Central States*, Kuala Lumpur, 1969, hlm. xxv. Lihat juga J.M. Gullick, "The War with Yam Tuan Antah" dlm. *JMBRAS*, Vol. XXVI, pt. 1, 1954.

⁴³ *Ibid.*, hlm. 32—39.

Residen Sungai Ujong akan memberi nasihat dan bantuan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran dan hasil. Satu perjanjian selanjutnya ditandatangani.

Tetapi keadaan politik di Jelevu masih tidak tenang selepas perjanjian itu. Perselisihan di antara Yamtuan Muda dengan Dato' Penghulu berterusan. Pada bulan Disember, 1884, Yamtuan Muda Jelevu meninggal. Dato' Penghulu meminta supaya jawatan itu dibatalkan. Pihak British bersetuju kerana dasar British di Jelevu ialah memberi sokongan sepenuhnya kepada Sayid Ali. Pada bulan September, 1886, suatu perjanjian baru telah ditandatangani di antara pihak British dengan pembesar-pembesar Jelevu. Mulai masa itu, Jelevu ditadbirkan lebih kurang sebagai sebuah jajahan Sungai Ujong.⁴⁴

Semasa beliau cuba menyelesaikan masalah Jelevu, Weld tidak mengabaikan Seri Menanti dan jajahan takluknya. Tengku Antah masih gelisah. Ada pembesar-pembesar yang kurang mesra dengannya. Weld telah bertemu dengan mereka bersama Tengku Antah di Bukit Putus pada bulan Mac, 1881. Tujuannya ialah untuk memberitahu pembesar-pembesar yang berkenaan bahawa pihak British ingin menegakkan kekuasaannya di negeri-negeri Melayu. Maksudnya, kerana Tengku Antah telah diiktiraf oleh kerajaan British, para pembesar jangan mencabar kedudukan Yamtuan Tuan Besar.

Tengku Antah masih tidak puas hati kerana Seri Menanti dan jajahan takluknya amat sedikit. Beliau sanggup meletakkan negerinya di bawah pentadbiran British dan, kalau perlu, beliau sanggup menyerahkan Inas, Johol dan Gemenceh. Tetapi, Weld sedar bahawa ada pembesar yang tidak bersetuju dengan Tengku Antah. Tambahan pula, Weld sendiri belum bersedia mewujudkan sistem Residen di Seri Menanti. Pada tahun 1883, Weld menggalakkan Tengku Antah dengan pembesar-pembesar yang berkenaan menandatangani suatu perjanjian di mana mereka bersetuju meletakkan Inas, Johol, dan Gemenceh di bawah kewibawaan Sayid Hamid. Selanjutnya, kalau sebarang masalah timbul mereka akan berunding dengan Residen Kaunselor di Melaka.


Tetapi pada pertengahan tahun 1885, Weld meletakkan seorang pegawai British di Kuala Pilah, berhampiran dengan kediaman Tengku Antah. Pegawai itu mula-mula diberi gelaran Pemungut dan Majistret kemudian ditukar menjadi Superintenden British. Lebih kurang satu tahun kemudian, Weld telah menandatangani suatu persetiaan dengan Tengku Antah dan pembesar-pembesar Seri Menanti yang menyatakan, di antara lain, bahawa kerajaan Seri Menanti dan kerajaan British akan bekerjasama mempertahankan kawasan Seri Menanti jika sekiranya kawasan itu diserang oleh musuh.⁴⁵

Tetapi fasal itu dibantah oleh Pejabat Kolonial. Justeru itu pada awal Jun, 1887, satu lagi perjanjian ditandatangani dan fasal itu diganti dengan kenyataan bahawa kedua-dua kerajaan itu akan bekerjasama untuk menjamin keamanan dan pemerintahan yang tetap.⁴⁶ Tengku Antah, yang

44 Ibid., hlm. 43—50. Lihat juga R.O. Winstedt, *op.cit.*, hlm. 73—74.

45 Eunice Thio, *op.cit.*, hlm. 50—56.

46 Ibid.



Negeri Sembilan pada Lewat Abad Ke-19.

suatu masa dahulu berperang dengan pihak British, pada peringkat ini, begitu mesra dengan British sehingga baginda, dengan suka rela, menghapuskan sistem hamba abdi di Seri Menanti sebagai hadiah kepada Ratu Victoria bila ulang tahun Jubilee pemerintahan Ratu Victoria diraikan pada tahun 1887.⁴⁷ Pada bulan Oktober tahun yang sama, Yamtuan Besar Tengku Antah mangkat akibat penyakit cacar dan diganti oleh puteranya, Tengku Muhammad.

Pada masa Sultan Muhammad memerintah Seri Menanti, Gabenor Weld juga telah diganti oleh Sir Cecil Clementi Smith. Tetapi dasar British tidak berubah. Pada tahun 1888, kedudukan Negeri Sembilan adalah seperti yang berikut: Jelebu diletakkan di bawah Sungai Ujong yang mempunyai seorang Residen British. Rembau serta Seri Menanti dan jajahan takluknya masing-masing mempunyai seorang Pemungut dan Majistret yang mempunyai kuasa kurang sedikit daripada yang dinikmati oleh seorang Residen. Kedua-dua unit politik itu diawasi oleh Residen Kaunselor, Melaka.

Sir Cecil Clementi Smith mengambil keputusan menggabungkan Rembau, Seri Menanti dan jajahan takluknya serta Tampin. Pada masa itu,

⁴⁷ Colonial Office 273/145, Sri F.A. Weld kpd. Sir H.T. Holland, 4 Julai 1887.



Tuanku Muhammad

Tampin belum lagi mempunyai hubungan formal dengan pihak British. Pada bulan Julai, 1889, Yamtuan Besar Muhammad dengan pembesar-pembesar Johol (termasuk Gemenceh), Inas, Hulu Muar, Jempol, Gunung Pasing, Terachi, Rembau dan Tampin (Sayid Hamid) secara rasmi meletakkan negeri-negeri mereka di bawah perlindungan British. Mereka juga bersetuju mewujudkan sebuah konfederasi yang akan dikenali dengan nama 'Negeri Sembilan' and konfederasi itu akan menerima seorang Residen British.

Justeru itu, pada tahun 1889, hanya Sungai Ujong dengan Jelevu yang masih berdiri di luar 'Negeri Sembilan'. Setiap unit politik itu mempunyai seorang Residen British — Martin Lister di Negeri Sembilan dan W.F.B. Paul di Sungai Ujong (termasuk Jelevu). Hanya enam tahun kemudian, bila pihak British mengambil langkah untuk menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang meliputi Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, barulah Sungai Ujong-Jelebu dicantumkan dengan kawasan yang di bawah kewibawaan Yamtuan Besar Muhammad. Nama 'Negeri Sembilan' dikekalkan.⁴⁸ Dengan cara itu maka muncullah kembali Negeri Sembilan setelah bubar sejak tahun 1869 lagi.

⁴⁸ Colonial Office 273/194, Sir C.C. Smith kpd. Lord Ripon, 9 April 1894 dan 273/215, Sir C. Mitchell kpd. J. Chamberlain, 9 Jun 1896.